



MENTERI SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA MEMANDANG SERIUS BERHUBUNG KES SEORANG PEKERJA DIPECAT KERANA MEMAKAI RANTAI SALIB

---

Kementerian Sumber Manusia (KSM) memandang serius akan laporan akhbar The Star bertarikh 21 November 2023 baru-baru ini mengenai seorang pekerja yang diberhentikan kerana memakai rantai salib.

Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum, agama dan budaya. Undang-undang negara kita melindungi kebebasan beragama bagi semua rakyat Malaysia. Penamatan kerja kerana memakai pakaian keagamaan/budaya adalah jelas melanggar undang-undang negara.

Seksyen 14(1) Akta Kerja 1955 menetapkan bahawa dalam kes salah laku, majikan perlu menjalankan siasatan sewajarnya atau '*due inquiry*'. Jika tiada inquiry dijalankan, pekerja boleh membuat aduan ke Jabatan Tenaga Kerja yang berhampiran bagi tuntutan notis (jika penamatan dibuat tanpa notis) dan faedah penamatan.

Di samping itu, perbuatan memakai rantai salib bukanlah merupakan salah laku pekerja kerana melibatkan kebebasan agama melainkan jika majikan telah menetapkan syarat bahawa majikan hanya memerlukan pekerja beragama Islam atau majikan telah menetapkan kod dan etika pemakaian sewaktu bekerja.

Semua majikan digesa supaya menghormati kepercayaan agama dan budaya pekerja mereka serta mengelakkan daripada membuat sebarang bentuk diskriminasi

berdasarkan agama. KSM akan menyiasat perkara ini secara menyeluruh dan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap majikan atau mana-mana pihak yang terlibat.

KSM komited dalam usaha menggalakkan toleransi dan persefahaman agama dan budaya di Malaysia. KSM akan terus memastikan semua pekerja di Malaysia dilayan dengan hormat dan bermaruah.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR  
MENTERI SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
23 NOVEMBER 2023**